

TH TINGKAT USAHA PERINGATAN AWAL HAJI DEMI ISTITO'AH

KUALA LUMPUR, 21 NOVEMBER 2025: Lembaga Tabung Haji (**TH**) ingin menjelaskan bahawa liputan berita mengenai penolakan tawaran haji sebanyak 50% merujuk kepada data pada musim haji yang lepas, iaitu musim haji 1446H/2025M.

Analisis terhadap jumlah penolakan pada musim haji 1446H/2025M yang lepas mendapati ia terutamanya berpunca daripada tahap simpanan pendeposit yg rendah.

Bagi musim haji 1447H/2026M yang akan datang, **TH** telah menggiatkan usaha antaranya membuat peringatan berkala seawal bulan Ogos 2025 kepada semua bakal jemaah haji musim 1447H/2026M untuk membuat persediaan secukupnya dari segi kewangan, kesihatan dan ilmu pengetahuan.

Langkah proaktif yang merupakan sebahagian dari inisiatif peremajaan jenama **TH** tersebut telah menunjukkan hasil yang baik setakat ini.

Tawaran haji bagi musim 1447H/2026M kepada jemaah masih lagi dikeluarkan secara berperingkat ketika ini.

Kadar penolakan tawaran haji bagi musim haji 1447H/2026M akan datang didapati lebih rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya kesan peringatan awal oleh **TH** dan kempen simpanan berterusan kepada bakal jemaah. Jemaah haji perlu mencukupkan simpanan minima sebanyak RM15,000 di akaun **TH** masing-masing untuk melayakkan menerima tawaran haji atau untuk membuat rayuan haji.

TH menggalakkan semua bakal-bakal jemaah haji menyimpan secara berkala dan sistematik sejak awal dan sentiasa menjaga kesihatan sendiri bagi mempersiapkan diri untuk melengkapi rukun Islam ke lima mereka.

-TAMAT-